



KKM.400-9/1/3 Jld. 2 (2)

6 Januari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan,

PENGECUALIAN CAJ IMUNISASI RUTIN POLIO KE ATAS KANAK-KANAK WARGANEGARA ASING SEBAGAI LANGKAH PENCEGAHAN WABAK POLIO DI MALAYSIA

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan, sebagai langkah mencegah wabak polio di Malaysia dan mempertingkatkan tahap liputan imunisasi polio di kalangan kanak-kanak warganegara asing negara ini,

YBhg. Dato' Sri Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dengan kuasa yang diperuntukkan di bawah Perenggan 15 Perintah Fi (Perubatan)(Kos Perkhidmatan) 2014 telah bersetuju supaya pengecualian caj imunisasi rutin polio melalui suntikan vaksin Dtap-IPV-HepB-Hib diberikan kepada kanak-kanak warganegara asing yang berumur tujuh (7) tahun ke bawah. **Caj yang dikenakan tersebut meliputi caj pendaftaran dan suntikan.**

3. Sehubungan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan adalah dimohon untuk memaklumkan kepada PTJ di bawah seliaan YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berkaitan dengan pengecualian ini. Pengecualian caj tersebut berkuat kuasa dari tarikh surat ini dikeluarkan.

4. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada pegawai Bahagian Kewangan, Encik Mohammad Azziyadi bin Ismail (Emel: azziyadi@moh.gov.my / Telefon: 03-8883 3740) atau Puan Farahiyah binti Khalid (E-mel : farahiyah.khalid@moh.gov.my / Telefon: 03-8885 3518).

(Sila catatkan rujukan surat ini apabila menjawab)



5. Perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Datuk/Dato'/Dr./Tuan/Puan berkaitan perkara ini adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(MOND AZMAN BIN ISMAIL)

Bahagian Kewangan

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

SENARAI EDARAN

1. Pengarah,
Bahagian Kawalan Penyakit
2. Jabatan Kesihatan Negeri Perlis
Jalan Raja Syed Alwi
01000 Kangar
Perlis Indera Kayangan
Bahagian Kawalan Penyakit
3. Jabatan Kesihatan Negeri Kedah
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah
05400 Alor Setar
Kedah Darul Aman
4. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang
Tingkat 7, Bangunan MARA
No. 33 Jalan Pangkalan Weld
10300 Pulau Pinang
5. Jabatan Kesihatan Negeri Perak
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab
30590 Ipoh
Perak Darul Ridzuan
6. Jabatan Kesihatan Negeri Selangor
Tingkat 9, 10, 11 & 17
No. 1, Wisma Sunway
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C
Seksyen 9, 40100 Shah Alam
Selangor
7. Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan
Jalan Rasah
70300 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus
8. Jabatan Kesihatan Negeri Melaka
Tingkat 3, 4, dan 5
Wisma Persekutuan, Jalan Business City
Bandar MITC 75450 Ayer Keroh
Melaka

9. Jabatan Kesihatan Negeri Johor
Tingkat 3 & 4 Blok B
Wisma Persekutuan, Jalan Air Molek
80590 Johor Bahru
Johor Darul Takzim
10. Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota
25582 Kuantan
Pahang Darul Makmur
11. Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
15590 Kota Bharu
Kelantan Darul Naim
12. Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu
Tingkat 5, Wisma Persekutuan
Jalan Sultan Ismail
20920 Kuala Terengganu
Terengganu Darul Iman
13. Jabatan Kesihatan Negeri Sabah
Tingkat 3, Rumah Persekutuan
Jalan Mat Salleh
88590 Kota Kinabalu
Sabah.
14. Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako
93050 Kuching,
Sarawak
15. Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya
Jalan Cenderasari
50590 Kuala Lumpur
16. Jabatan Kesihatan WP Labuan
Peti surat 80832
87018 Wilayah Persekutuan Labuan